



# KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

## SISTEM STAMPS LHDNM BERWAJAH BAHARU

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa Sistem Taksiran dan Pembayaran Duti Setem atau *Stamp Assessment And Payment System (STAMPS)* akan berwajah baharu mulai 16 Julai 2017, pukul 7.01 pagi. Pelancaran STAMPS dengan wajah baharu dan fungsinya yang telah ditambah baik ini sejajar dengan usaha berterusan LHDNM untuk meningkatkan keupayaan sistem penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai.

Sehubungan itu, sistem STAMPS sedia ada akan ditutup mulai 13 Julai 2017 (pukul 10.00 malam) sehingga 16 Julai 2017 (pukul 7.00 pagi) bagi memberi laluan kepada kerja-kerja integrasi data kepada sistem STAMPS yang baharu.

Pengguna dinasihatkan untuk merujuk terlebih dahulu **Pengumuman Perubahan STAMPS kepada User Interface Baharu** bagi mengakses sistem ini buat pertama kali. Pengumuman Perubahan tersebut boleh diakses di pautan

[https://stamps.hasil.gov.my/stamps/assets/manual/PERUBAHAN\\_UserInterface\\_STAMPS.pdf](https://stamps.hasil.gov.my/stamps/assets/manual/PERUBAHAN_UserInterface_STAMPS.pdf).

Sebarang pertanyaan mengenai sistem ini sekiranya ada boleh diajukan melalui emel pertanyaan ke [stamps@hasil.gov.my](mailto:stamps@hasil.gov.my) atau hubungi talian am 03-83138888 dengan nombor sambungan 21557 atau 21509 atau 21555.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif**

**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7801

Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 6 Julai 2017**